

24 JUN 1999

UMNO-Lucut

ANUAR DEDAHKAN SEBAB DIA DILUCUTKAN JAWATAN

ALOR SETAR, 24 Jun (Bernama) -- Bekas Ketua Penerangan UMNO Bahagian Merbok Mejar (B) Anuar Abdul Hamid yang dilucutkan jawatannya itu dua hari lepas, hari ini berkata tindakan terhadapnya adalah disebabkan tegurannya yang tidak menyenangkan sesetengah pihak.

"Apa yang sebenarnya berlaku adalah tindakan saya yang tidak menyenangkan sesetengah pihak dengan menegur kepincangan yang terdapat pada Penyata Kewangan berakhir 31 Dis 1998 dalam mesyuarat ahli jawatankuasa (AJK) bahagian pada 6 Jun lalu," katanya.

Anuar berkata beliau juga turut membuat teguran mengenai minit mesyuarat AJK yang tidak merekodkan perkara-perkara penting yang telah dibincangkan dan diputuskan dalam mesyuarat.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan sebagai mengulas laporan akhbar hari ini berkenaan pelucutan jawatannya oleh Ketua Bahagian Merbok Arzmi Hamid.

"Saya sepatutnya dipanggil oleh Ketua Bahagian dan diberitahu berkenaan kesilapan saya jika ada...ini tidak, saya dilucutkan tanpa sebarang alasan.

"Ini adalah tindakan yang zalim memandangkan pilihan raya sudah semakin hampir," katanya.

Anuar berkata beliau merasa sedih dan kesal kerana sepatutnya dipanggil untuk tunjuk sebab atau membela diri sebelum Arzmi mengambil sebarang tindakan.

"Tindakan ini tidak tepat kerana ia bercanggah dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap dalam Persidangan Agung UMNO empat hari lalu yang mahukan Ketua Bahagian berperanan merapatkan hubungan sesama ahli untuk mengelakkan berlakunya perpecahan," katanya.

Beliau berkata kenyataan Arzmi berhubung pelucutan jawatannya juga amat mengelirukan dan banyak anggota UMNO di bahagian itu menghubunginya dan mengatakan tindakan itu diambil kerana beliau terlibat dalam gerakan reformasi dan telah menyertai Parti Keadilan Nasional (Adil).

"Ini semua tidak benar dan merupakan fitnah...saya dan Ketua Wanita Bahagian Merbok Rosnah Majid adalah orang yang mula-mula masuk ke cawangan-cawangan di bahagian untuk memberi penerangan kepada semua ahli UMNO berkaitan kes bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada September tahun lalu," katanya.

"Menuduh saya menyertai gerakan reformasi dan parti Keadilan adalah tidak berasas sama-sekali," kata Anuar yang menegaskan beliau tetap setia kepada UMNO.

-- BERNAMA

MAN NMO